

KANUN TANAH NEGARA

BORANG 9B  
(Seksyen 142)

PERMOHONAN UNTUK PECAHKAN-BAHAGIAN TANAH

Kepada Pentadbir Tanah, Daerah.....  
\*Saya/Kami, yang bertandatangan di bawah ini, tuanpunya bersama tanah yang berikut—

\*Bandar/Pekan/Mukim..... No. Lot.....  
Perihal dan No. Hakmilik..... Luas.....

dengan ini memohon kelulusan untuk memecah-bahagi tanah itu kepada .....  
bahagian, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dikepilkan bersama ini mengenai  
pecah-bahagian yang dicadangkan itu supaya terletak kepada tuanpunya bersama mengikut  
jadual berikut.

\*Bagi maksud-maksud klarifikasi, maka \*Saya/Kami kepilkan juga suatu memorandum penjelasan.

2. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 142 Kanun Tanah Negara,  
maka sekarang \*Saya/Kami hantar—

- (a) fee yang ditetapkan sebanyak RM..... ;
- (b) pelan yang disebut di atas bersama dengan..... salinannya;
- \* (c) satu salinan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Perancang;
- \* (d) satu surat persetujuan daripada tiap-tiap seorang daripada.....  
orang yang berikut (iaitu orang-orang yang persetujuan mereka secara bertulis adalah  
dikehendaki kerana sebab-sebab tertentu yang dinyatakan dalam tiap-tiap satu surat  
itu)†—

- (1) .....
- (2) .....
- (3) .....

(e) persetujuan bertulis tiap-tiap seorang tuanpunya bersama yang tidak menandatangani  
permohonan ini, ditunjukkan dengan tanda "X" dalam ruangan pertama dalam jadual di  
bawah ini.

3. \*Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang  
dikepilkan bersama ini, suatu cara akses yang memuaskan ke tiap-tiap satu bahagian (selain  
dari apa-apa bahagian dari mana ada akses terus ke sesuatu jalan, sungai, sebahagian tepi  
pantai atau stesen keretapi, atau ke sesuatu tempat di dalam tanah itu dari mana sesuatu cara  
akses berupaya didapati melalui permohonan untuk suatu hak lalulalang  
Pentadbir Tanah) akan diperuntukkan—

- \* (i) atas tanah yang akan disifatkan sebagai telah diserahkan balik kepada Pihak  
Berkuasa Negeri;
- \* (ii) dengan suatu hak lalulalang yang diisytiharkan oleh Pentadbir Tanah.

\*4. Berkenaan dengan tanah yang akan disifatkan sebagai telah diserahkan balik mengikut subperenggan (i) di atas, maka Saya/Kami dengan ini mengaku akan membina suatu jalan menurut standard yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh pada..... haribulan....., 20.....

.....  
Tandatangan Tuanpunya  
Bersama Tanah

**Jadual Pecah-Bahagian**

Tanda "X" menunjukkan orang yang tidak menandatangani	Nama penuh tiap-tiap seorang Tuanpunya bersama	Alamat Tuanpunya bersama	Bahagian tanah yang berkenaan	Luas bahagian berkenaan	Simbol atas Pelan bagi Bahagian

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

(A) Sewa bagi tahun ini telah dibayar.

*Pentadbir Tanah*.....

(B) (1) Pecah-bahagian sebagaimana dalam pelan yang dikepulkan bersama bersama ini diluluskan  
(2) Satu salinan pelan tersebut disimpan.

.....  
*Tandatangan*

*Pihak Berkuasa Perancang*.....

(C) Pecah-bahagian diluluskan \*tertakluk kepada perubahan-perubahan yang berikut—

.....  
.....  
.....

Bertarikh pada..... haribulan....., 20.....

.....  
*Pengarah/Pentadbir Tanah*

*\*Potong sebagaimana yang sesuai.*

*†Nota Penjelasan – Persetujuan secara bertulis adalah dikehendaki daripada tiap-tiap orang atau badan yang berhak mendapat faedah daripada—*

- (i) *pajakan kesemua tanah itu atau sesuatu bahagiannya selain dari suatu bahagian yang betul-betul bersamaan dengan satu daripada bahagian-bahagian yang dicadangkan itu;*
- (ii) *gadaian atas tanah itu, atau bagi pajakan sebagaimana yang dinyatakan dalam (i);*
- (iii) *lien atas tanah itu, atau atas pajakan sebagaimana yang dinyatakan dalam (i).*

Untuk digunakan jika kelulusan perancangan tidak didapati terlebih dahulu